



**MAHKAMAH NEGERI SARAWAK
KOMPLEKS MAHKAMAH KUCHING**

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK

**SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN
AIR COOLED CHILLER (YORK LIQUID CHILLER)
MODEL : YEAJ99MU750PA**

**URUSETIA
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN KONTRAK
KHIDMAT PENGURUSAN
MAHKAMAH NEGERI SARAWAK**

Kepada :

Penyebut harga / Pembida yang hendak memasuki tawaran hendaklah mematuhi senarai semak seperti di bawah ini.

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan seperti berikut untuk di isi oleh Penyebut harga / Pembida:-

- | | | |
|------|---|--------------------------|
| i) | *Borang Maklumat Diri Pembida - (Pemilik Syarikat) Lampiran C1 & C2/ ATAU | <input type="checkbox"/> |
| ii) | *Borang Maklumat Diri Pembida - (Individu) Lampiran D1 & D2 | <input type="checkbox"/> |
| iii) | *Borang Sebut Harga Pelupusan Komponen Aset Tak Alih Kerajaan Borang Bahagian E (diwajibkan) | <input type="checkbox"/> |
| iv) | * Lampiran 6 - Surat Akuan Pembida | <input type="checkbox"/> |

Perkara Bilangan i), ii) dan iii) hendaklah dicetak menggunakan **kertas berwarna kuning**.

Penyebut harga/pembida **WAJIB** mengisi maklumat dengan lengkap pada dokumen di Lampiran. Penyebut harga/pembida hendaklah mengisi sama ada Lampiran C atau Lampiran D (Bergantung sama ada pembida adalah Syarikat atau Individu).

Kegagalan mengisi mana-mana lampiran dengan lengkap akan menyebabkan tawaran **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan.

Sila tandakan \checkmark pada kotak yang disediakan.

Nota Tambahan :

Pembida hendaklah mengisi samada :

- a) i, iii dan iv - Pembida adalah syarikat.
- b) ii, iii dan iv - Pembida adalah individu / orang perseorangan.

KANDUNGAN

**BAHAGIAN A- KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN KOMPONEN ASET TAK ALIH
KERAJAAN**

BAHAGIAN B - SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

**BAHAGIAN C - BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA
SYARIKAT ***

**BAHAGIAN D - BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA
*INDIVIDU****

**BAHAGIAN E - BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN
KOMPONEN ASET TAK ALIH KERAJAAN**

BAHAGIAN F - LAMPIRAN 6 : SURAT AKUAN PEMBIDA

**BAHAGIAN A –
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN KOMPONEN ASET TAK ALIH
KERAJAAN**

BAHAGIAN A**NO. SEBUT HARGA : MMSWK(S). 400-8/2/74 (1/2024)****Kementerian atau Jabatan:**

Mahkamah Negeri Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

LOT	KETERANGAN ASET	NO PENDAFTARAN	KUANTITI	TAHUN DIBINA	HARGA SIMPANAN (RM)
1	AIR COOLED CHILLER YORK LIQUID CHILLER (MODEL : YEAJ99MU750PA)	03597	1	2000	RM3200.00
		03673	1		RM3200.00
		03599	1		RM3200.00
		CJ03671	1		RM3200.00
		LJ03598	1		RM3200.00
		CJ03672	1		RM3200.00


2. Aset boleh dilihat pada **6 Ogos 2024 (Selasa)** hingga **19 Ogos 2024 (Isnin)** di antara jam **9.00 pagi hingga 03.30 petang** di **Kompleks Mahkamah Kuching, Jalan Gersik, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.**
3. Tawaran sebut harga hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Komponen Aset Tak Alih Kerajaan (BAHAGIAN E)** yang boleh diperolehi melalui laman web Mahkamah Negeri Sarawak <https://sarawak.kehakiman.gov.my>. Tawaran ini adalah sah bagi tempoh 90 hari sahaja.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditandakan **No. Sebut Harga MMSWK(S). 400-8/2/74 (1/2024)** dan **Lot No. (mengikut bidaan)** dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Unit Perolehan dan Kontrak
Mahkamah Negeri Sarawak
Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak.

5. Tarikh tutup sebut harga pada **02 September 2024 (Isnin)** pada jam **12.00 tengah hari.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(STEVE RITIKOS)
Pengarah
MAHKAMAH NEGERI SARAWAK



Tarikh : 2 Ogos 2024

**BAHAGIAN B -
SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

BAHAGIAN B : SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset yang akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga / Pembida adalah dikehendaki menyertakan deposit bidaan sebanyak **5%** daripada harga bidaan bagi setiap aset dan nilai maksima bagi bidaan satu aset adalah sebanyak RM5,000 atau mengikut mana yang terendah.
3. Deposit hendaklah dalam bentuk **Bank Draf** sahaja dan atas nama **JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA.**
4. Tawaran bidaan tanpa deposit / kurang deposit tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is where-is basis*)
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya serta segala urusan sekiranya berkaitan dengan JPJ, Puspakom dan Kastam hendaklah ditanggung sendiri oleh pembeli.
8. Penyebut harga / Pembida yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Sekiranya bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga / Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Sekiranya gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Pihak Jawatankuasa pemutus berhak membatalkan tawaran sekiranya di dapati pembida yang telah berjaya membida mengemukakan **bank draf** yang meragukan.
11. Jika penyebut harga / pembida hendak membida lebih dari sebuah chiller, pembida dikehendaki mengemukakan borang sebut harga iaitu **Borang Bahagian E** dan deposit **5% dari harga bidaan bagi setiap satu lot secara bank draf.** **Borang Bahagian E dan bank draf** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan di luar sampul surat hendaklah ditandakan no. lot yang dibida. **Setiap satu lot bidaan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat dan di buat secara berasingan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Jawatankuasa Pemutus adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah/tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.
2. Penyebut harga / Pembida adalah diwajibkan mengisi segala maklumat seperti yang yang dilampirkan samada **Lampiran C1&C2 ATAU Lampiran D1&D2** serta **Borang Bahagian E (WAJIB)**
3. Penyebut harga/Pembida dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak **5% daripada harga bidaan atau nilai maksima RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah bagi setiap aset.**
4. Lawatan tapak untuk melihat **Air Cooled Chiller** adalah dibenarkan bermula pada **6 Ogos 2024 (Selasa)** hingga **19 Ogos 2024 (Isnin)** diantara jam **9.00 pagi sehingga 3.30 petang.**
5. Dokumen boleh dimuatnaik melalui laman web rasmi : **https://sarawak.kehakiman.gov.my** mulai **06 Ogos 2024 (Selasa)** hingga **2 September 2024 (Isnin).**
6. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditandakan dengan **No. Sebut Harga dan No. Lot bidaan.**
7. **Bank Draf** hendaklah dimasukkan dalam sampul yang telah lengkap disertakan dengan No.Lot. yang dibida seperti yang diterangkan dalam **Bahagian B, Syarat-Syarat dan Peraturan Sebut harga.**
8. Segala perbelanjaan bagi penyediaan dokumen sebutharga hendaklah ditanggung oleh penyebut harga/pembida sendiri.
9. Sebut harga ini sah dalam tempoh sembilan puluh (90 hari) dari tarikh tutup sebut harga.

10. Semua penyebut harga / pembida adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para penyebut harga / pembida diberi peringatan berikut :-
 - a) Sebarang perbuatan atau percubaan memberi rasuah untuk menawar dan memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
 - b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
 - c) Tanpa Prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
11. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan dengan Dokumen Sebut harga Pelupusan Aset Tak Alih tuan/puan boleh menghubungi **Puan Marina binti Abdul Rahman, atau Puan Susan Sue anak Olivia Kada di talian 082-442228. (waktu pejabat sahaja)**

**BAHAGIAN C -
BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA
SYARIKAT**



**MAHKAMAH NEGERI SARAWAK
KOMPLEKS MAHKAMAH KUCHING**

A. BORANG MAKLUMAT DIRI PEMILIK SYARIKAT

Bil	Maklumat Syarikat	
1.	Nama Perniagaan / Syarikat :	
2.	Alamat Pejabat :	
3.	Alamat Premis Cawangan : (Jika ada)	
4.	No. Pendaftaran Syarikat : No. SSM	
5.	No. Telefon :	H/p : Pejabat : Faks :

B. PENGAKUAN PEMILIK SYARIKAT

Saya Nombor K/P:
Pemilik syarikatnombor
pendaftaran syarikatdengan ini mengaku
bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar
dan betul dan saya sedar adalah menjadi **SATU KESALAHAN** jika maklumat -
maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah **PALSU**.

Tandatangan Pemilik Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

Cop Syarikat :

**BAHAGIAN D -
BORANG MAKLUMAT DIRI PEMBIDA
INDIVIDU**



**MAHKAMAH NEGERI SARAWAK
KOMPLEKS MAHKAMAH KUCHING**

A. BORANG MAKLUMAT DIRI INDIVIDU / PERSENDIRIAN

Bil	Maklumat Syarikat	
1.	Nama :	
2.	No Kad Pengenalan :	
3.	Alamat Tetap & Alamat Surat Menyurat :	
4.	Nama & Alamat Majikan :	
5.	No. Telefon :	Rumah : H/p : Faks :

B. PENGAKUAN INDIVIDU

Saya Nombor K/P:
Pemilik syarikatnombor
pendaftaran syarikatdengan ini mengaku
bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah benar
dan betul dan saya sedar adalah menjadi **SATU KESALAHAN** jika maklumat -
maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah **PALSU**.

Tandatangan :

Nama :

Alamat Rumah :

.....

.....

Tarikh :

**BAHAGIAN E –
BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN
KOMPONEN ASET TAK ALIH KERAJAAN**

NO. SEBUT HARGA : MMSWK(S). 400-8/2/74 (1/2024)

BORANG SEBUT HARGA KOMPONEN PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu/ Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat :

Kepada:

Pengarah,
Mahkamah Negeri Sarawak,
Kompleks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, Petra Jaya,
93050. Kuching.

Tuan,

Tawaran Bidaan Untuk Lot No.

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut:-

Bil	Keterangan Aset	Lot No.	Harga Bidaan (RM)	Deposit (RM)

Nota : Sila isi Borang Bahagian E untuk setiap 1 Komponen Aset Tak Alih yang dibida.

3. Bersama-sama ini disertakan deposit bidaan sebut harga (sebanyak 5% daripada harga bidaan aset di atas atau maksima RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai **RM** _____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk **Bank Draf**, No _____ atas nama **Mahkamah Negeri Sarawak**.

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :
& Nama

Tarikh :

Cop Syarikat :

MAKLUMAT AIR COOLED CHILLER UNTUK DILELONG

LOT	KETERANGAN ASET	IMEJ	NO. PENDAFTARAN	TAHUN DIBINA	HARGA SIMPANAN (RM)
1	6 UNIT YORK LIQUID CHILLER (MODEL : YEAJ99MU7 50PA)	SEPERTI LAMPIRAN BERGAMBAR	03597	2000	RM3,200.00
		SEPERTI LAMPIRAN BERGAMBAR	03673		RM3,200.00
		SEPERTI LAMPIRAN BERGAMBAR	03599		RM3,200.00
		SEPERTI LAMPIRAN BERGAMBAR	CJ03671		RM3,200.00
		SEPERTI LAMPIRAN BERGAMBAR	LJ03598		RM3,200.00
		SEPERTI LAMPIRAN BERGAMBAR	CJ03672		RM3,200.00

LAMPIRAN BERGAMBAR



LAMPIRAN BERGAMBAR



LAMPIRAN BERGAMBAR



LAMPIRAN BERGAMBAR



LAMPIRAN BERGAMBAR



LAMPIRAN BERGAMBAR



LAMPIRAN BERGAMBAR



**BAHAGIAN F -
LAMPIRAN 6
SURAT AKUAN PEMBIDA**

SURAT AKUAN PEMBIDA
SEBUT HARGA JUALAN KOMPONEN ASET TAK ALIH KERAJAAN
AIR COOLED CHILLER (YORK LIQUID CHILLER)
MODEL : YEAJ99MU750PA
NO. SEBUT HARGA : MMSWK(S). 400-8/2/74 (1/2024)

Saya, No. Kad Pengenalan yang mewakilinombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
 - ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.
1. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.
 2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Mahkamah Negeri Sarawak atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
 - 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
 - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.
 3. Saya sesungguhnya faham bahawa--
 - 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara.

(i) dalam surat akuan ini; atau

- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	_____
Nama	:	_____
No.KP	:	_____
Tarikh	:	_____
Cap Syarikat	:	_____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.